



## DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara (KPN) untuk menyokong dan melaksanakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi menjamin kualiti, keselamatan dan kesihatan warga KPN secara khususnya di Blok F9, Kompleks F, Putrajaya.

Pihak pengurusan dan warga KPN secara berterusan perlu bersama-sama dalam usaha mencegah sebarang potensi ketidakpatuhan perkhidmatan bagi mengelakkan kemungkinan berlaku kemalangan di tempat kerja.

Bagi memastikan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan KPN diamal, dilaksana dan diselenggara secara berterusan dengan cemerlang, Kementerian Perpaduan Negara komited untuk:

- (i) Menyediakan dan menyelenggara persekitaran fizikal dan sistem kerja yang kondusif dan selamat daripada sebarang risiko;
- (ii) Memastikan bahawa semua warga KPN sentiasa jelas dengan semua pemakluman dan arahan serta tindakan untuk tujuan pencegahan daripada sebarang risiko kemalangan dan ancaman bahaya di tempat kerja;
- (iii) Menyiasat dan melaporkan semua ketidakpatuhan kepada tatacara atau prosedur serta peraturan yang ditetapkan sehingga mengakibatkan insiden seperti kemalangan, kejadian berbahaya, penyakit dan keracunan yang menjejaskan keselamatan dan kesihatan serta mengancam nyawa warga KPN dan seterusnya mengambil langkah proaktif bagi memastikan insiden seumpamanya tidak berulang lagi;
- (iv) Mengenal pasti dan mematuhi kehendak-kehendak pelanggan, perundangan dan keperluan lain seperti yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan dan tata amalan industri yang diluluskan (Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994); dan
- (v) Menyebarkan informasi mengenai Akta-akta, Dasar, Prosedur Kerja, Peraturan dan Garis Panduan berkenaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta maklumat yang berkaitan kepada seluruh warga KPN.

.....  
(DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF)  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara

Tarikh: 18 Julai 2024